PERSATUAN INDUSTRI KESELAMATAN MALAYSIA
(Malaysia Security Industry Association)
Nombor Pendaftaran: PPM-002-10-11031980 / www.pikm.my

Presiden
MEJAR (K) DATUK MOHAMMAD UBAIDILLAH BIN ENAM @ IMAN

Timbalan Presiden
MEJAR JENERAL DATO' PAHLAWAN HJ. ABU SUFIAN BIN HJ. AHMAD (B)

Naib Presiden
DSP (K) HAJAH AINI SURAYA BINTI DATUK OSMAN
MEJAR (K) HABIBULLAH BIN DATO' HJ. AHMAD
DATO' HJ. JAAFAR BIN HJ. MAT

Setiausaha Kehormat
KAPTEN SHAHARUDDIN BIN SAMSI

Bendahari Kehormat
IR. SOFIA BINTI DATO' IR. JOHARI

Penolong Setiausaha
ASSYANUR NASYRAH BINTI ISHAK

Penolong Bendahari
KU NORZAINUN BT DATO' HJ. IMAM ASMAWI

Ahli-ahli Jawatankuasa
DSP (K) ADILA BIN DATO' ABDULLAH
HJ. KHAIDZER BIN HJ. KEDAH
MEJAR (K) MUHAMMAD SYAFIQ BIN DATUK HJ. ISHAK
DATUK ARIF IZUDDIN BIN MOHD RADZALI
DATO' MOHID BIN MOHAMED
DATUK MUHAMMAD SYAHRIL BIN ABU BAKAR
AISHAH BINTI MAT DESA
DATO' DR. S. PRABAKARAN A/L K. SELVARAJU
MOHAMED IMRAN BIN MOHD AFZAL

Juruaudit Dalaman
MOHD HODORI B. SARBINI
HJ. ZAINAL ABIDIN BIN MD KASIM

Pengerusi WP Kuala Lumpur & Putrajaya
DATUK BALDEV SINGH KAILAY A/L DR. KARPAL SINGH

Pengerusi Negeri Selangor
DCP DATUK SALEHHUDIN BIN ABD RAHMAN (B)

Pengerusi Negeri Johor
DATUK HJ. MHD. TAHIR BIN HJ. MOHD NOAH

Pengerusi Negeri Perak
NOOR SUHAILA BINTI MARSIDI

Pengerusi Negeri Kelantan
MOHAMMAD ATIF NADDEEM BIN KAMAL, J.P.

Pengerusi Negeri Terengganu
HJ. CHE MOHAMAD NOOR BIN HUSAIN

Pengerusi Negeri Pahang
MEJAR (K) MUHAMMAD SYAFIQ BIN DATUK HJ. ISHAK

Pengerusi Negeri Pulau Pinang
MEJAR (K) HJ. ADNAN BIN ABDULLAH

Pengerusi Negeri Kedah & Perlis
DATO' HJ. MD ROSLI BIN HJ. ABD WAHAB

Pengerusi Negeri Melaka
DATUK AZLINDA BINTI ZUBIR

Pengerusi Negeri Sembilan
MEJAR MOHD ZAINAL BIN JUNI (B)

Pengerusi Negeri Sabah
NORJIE BINTI BUSU

Pengerusi Negeri Sarawak
NOOREHAIDAH BINTI ABDUL HASSAN

Sekretariat

Pengurus Besar
JEFF NOR JETTEY

PIKM/SEKRETARIAT/EDARANAHLI/2026(42) 5 NOVEMBER 2026

SEMUA AHLI PIKM
(U/P: Pengarah Urusan)

YBhg. Tan Sri/Dato' Sri/Datuk/Dato'/Datin/Tuan/Puan,

SURAT EDARAN PIKM KE-42/2026:
MAKLUMAN TINDAKAN PIKM BERHUBUNG KEKANGAN PROSES SEMASA YANG MENJEJASKAN KEMASUKAN PENGAWAL KESELAMATAN WARGANEGARA NEPAL KE MALAYSIA

Dengan hormatnya perkara di atas dirujuk.

2. PIKM mengambil maklum kebimbangan dan kesulitan ahli-ahli berhubung kekangan proses semasa dalam pengambilan pengawal keselamatan warganegara Nepal (PKN) yang menyebabkan urusan kemasukan mereka ke Malaysia pada masa ini tidak dapat diteruskan. Keadaan ini turut menjejaskan syarikat yang mempunyai kuota yang diluluskan serta urusan pengambilan yang sedang diproses. PIKM memahami implikasinya terhadap perancangan tenaga kerja, kos pengambilan dan keupayaan ahli memenuhi komitmen perkhidmatan kepada pelanggan.

3. Untuk makluman ahli-ahli, **PIKM telah mengemukakan surat rasmi kepada Ketua Setiausaha, Kementerian Dalam Negeri (KDN), bertarikh 20 Oktober 2026, dengan rujukan PIKM/SEKRETARIAT/KDN/2026(8)** bagi memohon penjelasan, panduan bertulis dan hala tuju berhubung perkara tersebut. Surat berkenaan turut disalinkan kepada pegawai berkaitan di Bahagian Keselamatan dan Ketenteraman Awam, KDN.

4. Perkara-perkara yang telah dikemukakan kepada KDN untuk mendapat penjelasan dan kaedah penyelesaian adalah seperti berikut:

a) **Status kuota yang telah diluluskan** dan penyelesaian untuk membawa masuk PKN yang terjejas akibat kekangan proses semasa;

b) **Kaedah untuk membawa masuk PKN yang sedang diproses**, termasuk kes pada peringkat pemeriksaan kesihatan, keputusan perubatan, permohonan Visa Dengan Rujukan (VDR) dan kemasukan pekerja ke Malaysia;

c) **Tempoh tambahan atau mekanisme yang bersesuaian** bagi menyelesaikan urusan pengambilan yang tertangguh serta mengurangkan gangguan terhadap operasi syarikat;

d) **Kesinambungan rekod serta keputusan perubatan yang masih sah**, termasuk penjelasan mengenai keperluan pemprosesan semula dan sebarang kos tambahan; dan

e) **Tatacara pengambilan PKN serta saluran penyelesaian kes tertunggak** bagi membolehkan ahli meneruskan urusan berdasarkan panduan rasmi pihak berkuasa.

Namun, berdasarkan setiap cadangan di atas, sebarang pertimbangan berkaitan kuota, pelanjutan tempoh, pemeriksaan kesihatan dan Visa Dengan Rujukan (VDR) adalah tertakluk kepada dasar, syarat serta keputusan pihak-pihak berkuasa berkaitan.

5. PIKM turut mengemukakan cadangan agar akses kepada agensi pengambilan dan penyedia saringan kesihatan yang diiktiraf dapat diperluaskan, serta memohon pertimbangan mengenai kesinambungan perkhidmatan Bio-Medical. Namun, cadangan-cadangan tersebut adalah masih tertakluk kepada penelitian lanjut dan pertimbangan sewajarnya oleh pihak-pihak berkuasa berkaitan.

6. Ahli-ahli adalah dimaklumkan bahawa **PIKM telah mengemukakan perkara ini kepada KDN untuk mendapatkan penjelasan dan pertimbangan sewajarnya**. PIKM akan terus membuat tindakan susulan dengan pihak KDN dari semasa ke semasa bagi mendapatkan penjelasan mengenai kaedah penyelesaian serta panduan untuk ahli-ahli. Sebarang keputusan mengenai kuota, tempoh pemprosesan dan kaedah meneruskan pengambilan akan dimaklumkan berdasarkan pengesahan rasmi pihak berkuasa.


7. Sehubungan itu, **ahli-ahli dimohon bertenang dan memberikan ruang kepada KDN, pihak-pihak berkuasa serta agensi berkaitan, termasuk pihak berkuasa di negara sumber, untuk meneliti kekangan yang berlaku dan menyelaras tindakan selanjutnya bagi menangani isu ini**. PIKM komited untuk terus memperjuangkan kepentingan ahli-ahli dan mendapatkan penyelesaian yang munasabah demi memastikan kelangsungan operasi serta kestabilan industri keselamatan swasta.

8. Bagi membantu tindakan susulan, ahli-ahli yang terjejas dimohon mengemukakan ringkasan kes kepada Sekretariat PIKM melalui info@pikm.my, dengan menyatakan nama syarikat, nombor rujukan dan tarikh tamat kelulusan kuota, bilangan pengawal yang terlibat, status terkini proses pengambilan serta kekangan yang dihadapi. Maklumat ini akan membantu penyelarasan isu-isu yang dibangkitkan kepada pihak-pihak berkaitan.

9. Sebarang perkembangan atau panduan rasmi yang diterima akan dimaklumkan melalui saluran rasmi PIKM. Kerjasama, kesabaran dan kepercayaan ahli-ahli amat dihargai demi usaha mendapatkan penyelesaian yang menyokong kepentingan industri.

Sekian, terima kasih.

Yang benar,



KAPT SHAHARUDDIN BIN SAMSI
SETIAUSAHA KEHORMAT